



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENANDA LINGUISTIK BAHASA TAMIL DALAM KOMUNIKASI
FACEBOOK***

MALARVIZHI SINAYAH

FBMK 2015 45



**PENANDA LINGUISTIK BAHASA TAMIL
DALAM KOMUNIKASI FACEBOOK**

Oleh

MALARVIZHI SINAYAH



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia ini adalah sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENANDA LINGUISTIK BAHASA TAMIL
DALAM KOMUNIKASI FACEBOOK**

Oleh

MALARVIZHI SINAYAH

Mei 2015

Pengerusi : Paramasivam Muthusamy, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini memfokuskan penanda linguistik bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti penanda linguistik yang digunakan oleh penutur bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*, menganalisis bagaimana cara pengguna bahasa Tamil meluahkan emosi menerusi ‘bahasa’ dalam komunikasi *Facebook*, menjelaskan jenis emosi yang diluahkan oleh penutur bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*, merumuskan maklumat emosi bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*. Model Lens (Brunswik, 1956), Model Komunikasi SMCR (Carey, 1989) dan Teori *Tholkaappiya Meypaattiyal* (தொல்காப்பிய மெய்ப்பாட்டியல்) dalam Vellaivaranan (1986) dijadikan asas dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah alternatif, dan analisis kandungan, yang berinstrumenkan pemerhatian berserta, dan temu bual. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah kualitatif yang disertakan dengan peratusan mudah. Hasil kajian menunjukkan bahawa penutur Tamil yang berkomunikasi dalam *Facebook* menggunakan lapan jenis penanda linguistik untuk meluahkan emosi melalui teks. Perkataan emosi, penanda linguistik, kata seruan, peribahasa, dan dialog wayang gambar ialah lima penanda verbal yang ditemukan dalam kajian ini. Manakala emotikon, tanda baca, dan *meme* digunakan sebagai penanda nonverbal mewakili mimik muka dan intonasi dalam komunikasi bersemuka. Penutur bahasa Tamil dalam *Facebook* didapati meluahkan emosi menerusi ‘bahasa’ dengan santun walaupun ia tidak dimestikan. Penutur Tamil juga dapat meluahkan kelapan-lapan emosi yang disenaraikan dalam buku tatabahasa Tamil *Tholkaappiyam* semasa berkomunikasi dalam *Facebook*. Hasil kajian juga menampakkan emosi gembira dan marah sebagai emosi yang kerap diluahkan oleh penutur bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*. Cadangan untuk kajian masa hadapan juga dikemukakan oleh penyelidik untuk memudahkan pengkaji masa hadapan menyelami bidang analisis wacana, khususnya dalam media terbaru.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of
the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**TAMIL LINGUISTIC MARKERS
IN FACEBOOK COMMUNICATION**

By

MALARVIZHI SINAYAH

May 2015

Chairman : Paramasivam Muthusamy, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study focuses on Tamil linguistic markers used in *Facebook* communication. The main aim of this study is to identify the linguistic markers used by the Tamils in *Facebook* communication, analyse how the Tamil speakers express emotions through "language" in *Facebook* communication, explain the type of emotions expressed by Tamils in *Facebook* communication, and summarise the emotional Tamil messages in *Facebook* communication. Brunswik's Lens Model, SMCR communication model and *Tholkaappiya Meypaattiyal* theory (தொல்காப்பிய மேய்ப்பாட்டியல்) were used as the base for this study. This study was conducted using alternative method and content analyse, with participating observation, and interview. Data were analysed using qualitative method attached with simple percentage. Findings expose Tamil users who communicate in *Facebook* use eight linguistic markers to express their emotion through text. Emotional words, linguistic markers, interjections, proverbs and cinema dialogues were five verbal cues found in this study. Whereas the facial expression and intonations which occur in face to face communication were substituted by the use of nonverbal cues such as emoticons, punctuations and meme. All the participants of this study were conscious about their language use and were very polite while expressing their emotions through 'language' even though it is not a must. Tamil *Facebook* users also express all the eight emotions listed in Tamil grammar *Tholkaappiyam* when communicate in *Facebook*. Findings also explain that humour and anger are the emotions expressed most frequently. Suggestions for further studies are also given by the researcher in order to guide and encourage the future researchers to explore the field of discourse especially the new media.

PENGHARGAAN

Ingin saya mengenang jasa semua yang membantu dalam menjayakan penghasilan tesis ini. Saya amat terhutang budi dengan penyelia utama saya Professor Madya Dr. Paramasivam Muthusamy yang telah membimbing dan memotivasikan saya sepanjang proses penyelidikan ini. Sistem perbincangan antara rakan penyelidik yang diamalkan oleh beliau telah menjadi penyuluhan perjuangan saya. Beliau juga telah memperkenalkan ramai cendekiawan dan pakar bidang kajian dari dalam dan luar negara. Ahli jawatankuasa penyelia Profesor Madya Dr. Normaliza Abd Rahim juga dikenang jasanya kerana membantu dalam membetulkan format dan kandungan tesis ini serta penulisan artikel untuk diterbitkan. Saya sangat kagum dengan sikapnya sangat aktif dan bertekad tanpa memikirkan usianya, secara tidak langsung telah menggerakkan saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah kanan Dr. Krishnan Ramasamy daripada Universiti Malaya merupakan ahli jawatankuasa penyelia, yang dikenali sejak pengajian sarjana muda saya. Beliau juga merupakan penyelia disertasi sarjana saya dalam bidang sosiolinguistik. Beliau sentiasa menasihat dan mengharapkan yang baik untuk diri saya. Tidak lupa juga Profesor Dr. Kannan Narayanan daripada Fakulti Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia yang sentiasa bersedia untuk berbincang tentang perkembangan bahasa Tamil dalam media terbaharu dan memberikan cadangan bernalas.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang telah banyak bersabar, membantu, memberikan sokongan moral, dan memastikan kejayaan saya. Bapa saudara En. Kaliannan Ponniah dan emak saudara Pn. Parimala Devi Mani yang telah membela dan mendidik saya. Tanpa mereka, mustahil saya mencapai kejayaan yang diperoleh hari ini. Anak kesayangan saya Kumanan N Govaichelvan yang sangat berdikari juga sentiasa memotivasikan saya dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Tidak lupa juga ibu saya, Alamelu Sinayah, adik beradik serta ahli keluarga mereka yang bersabar dan memahami apabila saya tidak menghadiri peristiwa penting serta sambutan keluarga.

Saya sangat bertuah mempunyai sekumpulan kawan yang sentiasa bersedia membantu, dan mendoakan kejayaan saya, terutamanya Kala Renggasamy dan Renuka Shree Jeganathan yang tanpa disedari menjadi pendorong untuk saya melanjutkan pelajaran ke tahap ini. Muniammal Batumalai merupakan orang penting dalam penjelajahan pendidikan saya di tahap universiti. Ini adalah kerana beliau telah mengisi dan menghantar borang permohonan kemasukan universiti untuk pengajian sarjana muda saya. Selain itu rakan seperjuangan saya Ponniamah M. Muniandy dan Thanalachime Perumal juga telah banyak bersabar dengan kerentah saya dan membantu mengharungi segala cabaran bersama. Rakan setugas Manimozhy Kanthan yang telah membetulkan bahasa tesis dan artikel pada masa diperlukan tanpa mengeluh. Jayathevi Veerasamy dan Anbukkarasi Kannan juga membantu dalam penulisan artikel bahasa Inggeris. Kesemua mereka telah memberikan sokongan yang padu dan mendesak saya melengkapkan tesis ini sebaik-baiknya. Tidak lupa juga rakan guru dari Maktab Perguruan Raja Melewar (Sesi 1990/1992), guru SJK(T) Taman Tun Aminah, Skudai dan guru SJK(T) Ladang Edensor, Mentakab yang sentiasa mendoakan kejayaan saya.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pelajar sarjana muda Fakulti Bahasa dan Linguistik (jurusan Tamil), Universiti Malaya yang menjadi sampel kajian ini. Tanpa kesudian mereka kajian ini tidak mungkin dapat dilengkapkan. Tidak lupa juga staf Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, staf perpustakaan UPM dan juga Universiti

Malaya, bahagian tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang memberikan cuti belajar bergaji penuh dan pegawaiannya yang sentiasa mesra, pentadbir, guru dan murid SMK Engku Husain yang secara langsung dan tidak langsung membantu saya menyiapkan tesis ini.



PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada **5.5.2015** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Malarvizhi Sinayah** bagi menilai tesis beliau yang bertajuk **“Penanda Linguistik Bahasa Tamil dalam Komunikasi Facebook”** mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah **Doktor Falsafah**.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Vijayalethchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Rajantheran a/l Muniandy, PhD

Profesor

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya

Malaysia

(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Paramasivam a/l Muthusamy, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Normaliza binti Abd Rahim, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Krishnan a/l Ramasamy, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa dan Linguistik

Univerisiti Malaya

(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____
Nama dan No. Matrik: Malarvizhi a/p Sinayah, GS28159

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan

Tandatangan: _____
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Tandatangan: _____
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
PANDUAN SEBUTAN TULISAN TAMIL	xiv
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Sejarah Perkembangan Bahasa Tamil	2
Sejarah Perkembangan <i>Facebook</i>	10
Luahan Emosi	11
Pernyataan Masalah	13
Persoalan Kajian	15
Objektif Kajian	15
Kepentingan Kajian	15
Batasan Kajian	16
Definisi Operasional	18
Penanda Linguistik	18
Komunikasi <i>Facebook</i>	18
Organisasi Kajian	18
2 SOROTAN LITERATUR	20
Penggunaan Laman Sosial dalam Komunikasi	20
Penggunaan Laman Sosial dalam Pelbagai Bidang	25
Tujuan Laman Sosial Digunakan	30
Penggunaan <i>Facebook</i> dalam Komunikasi	33
Bahasa Komunikatif dalam Laman Sosial	37
Perkaitan antara Sorotan Kajian dengan Kajian Penyelidik	40
Kajian Media Komunikasi Terbaru	40
Kajian Pengguna Laman Sosial	41
Kajian Kemudahan Laman Sosial	42
Kajian Penanda Linguistik dalam Laman Sosial	42
3 METODOLOGI KAJIAN	44
Reka Bentuk Kajian	44
Kerangka Teori	44
Model Lens Brunswik (1956)	45
Model Komunikasi SMCR	46
Teori <i>Meypaattiyal</i>	46
Keragka Konseptual Kajian	48
Prosedur Kajian	48
Sampel Kajian	49
Instrumen Kajian	50

Pemerhatian	51
Halaman Salinan	51
Temu Bual	51
Kajian Rintis	52
Penganalisisan Data	52
4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN	53
Penanda Linguistik yang digunakan oleh Penutur Bahasa Tamil dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	53
Cara Penutur Bahasa Tamil Meluahkan Emosi Menerusi ‘Bahasa’ Dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	83
Jenis Emosi yang diluahkan oleh Penutur Bahasa Tamil dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	88
Maklumat Emosi Bahasa Tamil dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	102
Rasional Teori dan Dapatkan Kajian	115
Implikasi Dapatkan Kajian	117
5 RINGKASAN, KESIMPULAN, DAN CADANGAN	119
Ringkasan Penemuan Kajian	119
Kesimpulan	121
Cadangan Kajian Lanjutan	122
BIBLIOGRAFI	124
BIODATA PELAJAR	138
SENARAI PENERBITAN	139

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1:	Perkembangan Bentuk Tulisan Tamil	4
1.2:	Penyelarasan Skrip Bahasa Tamil 1978	6
1.3:	Tulisan Bahasa Tamil dan Bunyinya	6
1.4:	Bilangan Dapatan untuk Perkataan Tamil dalam Google	8
3.1:	Emosi Asas dalam <i>Tholkaappiyam</i>	47
3.2	Golongan Emosi Positif dan Negatif	47
4.1:	Perkataan Emosi dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	54
4.2:	Penanda Linguistik dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	58
4.3:	Kata Seruan dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	62
4.4:	Peribahasa dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	65
4.5:	Dialog Wayang Gambar dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	69
4.6:	Emotikon dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	72
4.7:	Tanda Baca dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	75
4.8:	<i>Meme</i> dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	78
4.9:	Salaman dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	83
4.10:	Panggilan Kehormat dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	84
4.11:	Panggilan Akrab dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	85
4.12:	Ganti Nama Diri dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	86
4.13:	Suffiks Hormat dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	87
4.14:	Perkataan Sopan dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	88
4.15:	Emosi Asas dalam <i>Tholkaappiyam</i>	89
4.16:	Emosi Positif dalam <i>Tholkaappiyam</i>	89
4.17:	Emosi Negatif dalam <i>Tholkaappiyam</i>	91
4.18:	Emosi Humor dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	92
4.19:	Emosi Hairan dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	93
4.20:	Emosi Bangga dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	94
4.21:	Emosi Gembira dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	95
4.22:	Emosi Sedih dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	97
4.23:	Emosi Terhina dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	98
4.24:	Emosi Takut dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	100
4.25:	Emosi Marah dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	101
4.26:	Perangsang Emosi Humor dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	114
4.27:	Perangsang Emosi Marah dalam Komunikasi <i>Facebook</i>	114

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1:	Perubahan Bentuk Tulisan Vokal dan Konsonan Bahasa Tamil	5
3.1:	Model Lens oleh Brunswik	45
3.2:	Model SMCR	46
3.3:	Kerangka Konseptual	48
4.1:	Kerangka Analisis Penanda Linguistik dalam Teks Bahasa Tamil	53
4.2	Penanda Linguistik Bahasa Tamil dan Maklumat Emosi	116

SENARAI SINGKATAN

GPA	-	Markah Gred Purata
HTC	-	<i>High-Tech Computer Corporation</i>
HTML	-	<i>HiperText Markup Language</i>
ICT	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi <i>(Information and Communication Technology)</i>
INFITT	-	Forum Antarabangsa Teknologi Maklumat dalam Tamil <i>International Forum for Information Technology in Tamil</i>
IRC	-	Rangkaian Perbualan Internet (<i>Internet Relay Chat</i>)
KBK	-	Komunikasi Berantarkan Komputer
LMS	-	Sistem Pengurusan Pembelajaran <i>(Learning Management System)</i>
MIT	-	Institusi Teknologi Massahusett
MRT	-	Teori Kekayaan Media (<i>Media Richness Theory</i>)
OCR	-	Pengemac Aksara Optik (<i>Optical Character Recognizer</i>)
PDF	-	Format Dokumen Mudah Alih (<i>Portabale Document Format</i>)
SM	-	Sebelum Masihi
SMCR	-	Sumber-Maklumat-Rangkaian-Penerima <i>(Source-Message-Channel-Receiver)</i>
SPP	-	Sistem Pengurusan Pembelajaran
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
THF	-	Yayasan Warisan Tamil (<i>Tamil Heritage Foundation</i>)
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
UPSI	-	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	-	Universiti Sains Malaysia
U&G	-	Kegunaan dan Kepuasan (<i>Uses and Gratifications</i>)

PANDUAN SEBUTAN TULISAN TAMIL

Vokal	
Pendek	Panjang
அ	a
இ	i
உ	u
எ	e
ஒ	o
ஆ	aa
இஇ	ii
உஉ	uu
எே	ee
ஒோ	oo

Diftong	
ஐ	ai
ஓா	au

Konsonan		Sederhana									
Keras	Lembut										
க்	k/g/h	க்	g/h	ங்	ng	ஞ்	ny	ஞ்	ng	ஞ்	y
ச்	c/s/j	ச்	s/j	ஞ்	ny	ஞ்	ny	ஞ்	r	ஞ்	r
ட்	t/d	ட்	d	ண்	N	ண்	N	ண்	l	ண்	l
த்	th	த்	dh	ந்	n	ந்	n	ந்	v	ந்	v
ப்	b/p	ப்	p	ம்	m	ம்	m	ம்	zh	ம்	zh
ற்	R	ற்	R	ன்	n	ன்	n	ன்	L	ன்	L

Tulisan Grantha	
ஜ்	j
ஹ்	h
ஶ்	sh
ஷ்ட்	sy
ஷஷ்ட்	ksh
ஸ்ரி	sri

Sumber: Radha Sellappan (2011)

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Penggunaan komputer dan internet sebagai bahan bantu mengajar, pelaksanaan Sistem Pengurusan Pembelajaran (SPP) yang lebih dikenali sebagai *Learning Management System* (LMS) di institusi pengajian tinggi di Malaysia dan mata pelajaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang diwujudkan khas untuk murid Tingkatan Empat dan Lima menunjukkan bahawa kemudahan internet dalam bidang pendidikan amat diperlukan. Pemberian komputer riba secara percuma kepada pelajar yang mempunyai keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan, rebat diberikan untuk membeli telefon bimbit pintar, dan pengajuran minggu Media Sosial Malaysia kesemuanya merupakan langkah kerajaan untuk memberikan pendedahan peri pentingnya keperluan menggunakan internet kepada rakyatnya, serta menggalakkan mereka menggunakan internet dan laman sosial dalam aktiviti harian.

Pada tahun 2000, didapati sebanyak 3,700,000 orang penduduk Malaysia menggunakan internet (www.internetworldstats.com). Dalam jangka masa 10 tahun, bilangan tersebut telah meningkat dengan pesat. Perangkaan pada akhir tahun 2011 menunjukkan bahawa 60.7% daripada penduduk Malaysia, iaitu sebanyak 17,723,000 orang menggunakan internet (www.internetworldstats.com). Dalam jangka masa sepuluh tahun inilah pelbagai jaringan sosial seperti *Myspace*, *Hi5*, *Linkeden*, *Facebook*, *twitter* dan lain-lain lagi telah diwujudkan. Ini membuktikan bahawa kemunculan pelbagai jaringan sosial, merupakan salah satu faktor peningkatan dalam bilangan pengguna internet yang berlipat ganda.

Walau apa pun media yang digunakan, bahasa ialah medium utama. Oleh yang demikian, bahasa turut mengalami perubahan dan perkembangan selaras dengan perkembangan media. Perkembangan teknologi masa kini, terutamanya sistem pesanan ringkas (*sms*), rangkaian perbualan internet (*IRC*), laman blog, dan laman sosial telah menyebabkan munculnya pelbagai bentuk dan struktur bahasa yang sebelum ini tidak pernah terlintas dalam fikiran pengguna bahasa (Indirawati Zahid, 2012).

Azman Ismail (2012) mengatakan bahawa bahasa dalam dunia digital yang bersifat peribadi dan individualistik memberikan kebebasan kepada seseorang untuk menulis, menyampaikan pandangan dan keinginan tanpa sebarang sekatan dengan tidak menghiraukan peraturan atau nahu sesuatu bahasa. Pendapat ini disokong oleh Zaidi Ismail (2012) yang mengatakan bahawa penggunaan bahasa dalam media sukar dikawal kerana tiada peraturan bahasa yang “mengikatnya”. Dalam dunia digital, pembina media dan pengguna bahasa mempunyai kuasa yang besar dalam menentukan jenis bahasa, kualiti atau standard bahasa yang digunakan dan diterima pakai. Jika diteliti mana-mana laman sosial, blog dan sebagainya bahasa yang digunakan penuh dengan penggunaan singkatan, lewah dengan slanga dan lafaz serta bahasa yang bercampur aduk (Indirawati Zahid, 2012).

Dalam era media teknologi ini, pengguna bahasa berkuasa dalam menentukan bentuk, gaya, dan kualiti sesuatu bahasa. Namun, bentuk dan struktur sedia ada sesuatu bahasa juga dapat mengawal seseorang daripada menggunakan bahasa dengan sewenang-wenangnya. Misalnya, struktur bahasa Tamil yang bercirikan aglutinatif tidak boleh

disingkatkan. Secara amnya, bahasa aglutinatif boleh dikatakan sebagai bahasa cantuman kerana perkataan dalam bahasa aglutinatif dibentuk dengan penambahan pelbagai akhiran. Rachakonda & Sharma (2011), mengatakan bahawa aglutinatif merujuk kepada infleksi morfologi yang meluas dan perkataan dalam bahasa aglutinatif mengandungi kata akar yang diikuti oleh pelbagai akhiran. Dalam bahasa Tamil yang menggunakan tatabahasa aglutinatif, akhiran digunakan demi menanda kelas kata nama, bilangan (satu atau jamak), kala dan kategori tatabahasa yang lain. Ini menyebabkan wujudnya bilangan kepelbagaiannya infleksi yang banyak bagi setiap perkataan. Rachakonda & Sharma (2011), juga memperjelas bahawa sifat aglutinatif menyebabkan wujudnya keadaan yang dinamakan sebagai luar batasan perbendaharan kata (*out-of-vocabulary*) yang bermakna terdapat beratusan variasi perkataan yang tidak dimasukkan dalam kamus. Sistem tulisan serta tatabahasa bahasa Tamil yang berciri aglutinatif tidak memberikan ruang untuk pengguna bahasa tersebut mengubah atau menggunakan sesuka hati.

Sejarah Perkembangan Bahasa Tamil

UNESCO telah mengiktirafkan enam (6) daripada 3000 bahasa yang kaya dengan sastera dan nahu sebagai bahasa klasik dunia. Nedumaran (2007), menyenaraikan bahasa Tamil, bahasa Cina, bahasa Sanskrit, bahasa Latin, bahasa Hebrew, dan bahasa Grik sebagai enam bahasa klasik yang mempunyai sejarah lebih dari 2000 tahun. Daripada enam bahasa tersebut, bahasa Latin dan bahasa Sanskrit hanya digunakan dalam upacara keagamaan dan tidak lagi menjadi bahasa tuturan harian. Manakala bahasa Hebrew dan Grik klasik yang telah hilang penggunaannya pula cuba dihidupkan semula (Nedumaran, 2007). Menurut Nedumaran (2007), hanya bahasa Cina dan bahasa Tamil merupakan dua bahasa klasik yang masih digunakan kini. Berlainan daripada bahasa klasik yang lain, bahasa Tamil masih ditutur dan ditulis lebih dari 5000 tahun. Oleh itu, kerajaan persekutuan India telah mengiktiraf bahasa Tamil sebagai bahasa klasik hanya selepas perjuangan hampir seabad, iaitu pada September 2004. Demi merayakan pengiktirafan bahasa Tamil sebagai bahasa klasik, satu persidangan antarabangsa bahasa klasik Tamil telah diadakan di Coimbatore, Tamilnadu pada 23 hingga 27 hari bulan Jun 2010 (Karunanidhi, 2010).

Musthapa (2007), mengatakan bahawa terdapat sebelas sifat yang telah ditetapkan oleh ahli linguistik untuk mengiktiraf sesuatu bahasa sebagai bahasa klasik. Sifat tersebut seperti antik (*antiquity*), unik (*individuality*), bersifat umum (*common characters*), neutral (*neutrality*), bercabang (*Parental Kinship*), sastera dan budaya memaparkan ketamadunan, berdikari tanpa dipengaruhi oleh bahasa lain, kekayaan sastera, mempunyai idea dan matlamat mulia (*noble ideas and ideals*), mempunyai keaslian dalam persembahan sastera dan budaya, dan menepati prinsip linguistik. Setelah diteliti, didapati antara enam bahasa yang telah diiktirafkan sebagai bahasa klasik, hanya bahasa Tamil yang memenuhi kesemua sifat bahasa klasik. George (2007), menyokong pendapat Musthapa (2007) berkata, bahasa Tamil merupakan bahasa yang sangat purba (*ancient*) dan tumbuh sebagai bahasa bertradisi bebas keseluruhannya tanpa dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit atau bahasa lain. Bahasa Tamil juga kaya dengan kesusasteraan lama yang keluasannya tidak dapat dihuraikan.

Ensiklopedia Britannica menyatakan bahawa bahasa Tamil merupakan sastera tertua di India.

“Apart from literature written in classiacal (Indo-Aryan) Sanskrit, Tamil is the oldest literature in India”

- Tamil. (1967) *Britannica’s Concise Pictured Encyclopedia*

Penerangan ini dijelaskan lagi oleh Kulandaiswamy (2007) bahawa, bahasa Tamil merupakan bahasa yang paling bertamadun dan berkembang dalam kalangan bahasa Dravidia, dan merupakan bahasa tertua dan kaya dengan kosa kata. Akan tetapi adalah sukar untuk mengukur usia bahasa dan sasteranya dengan tepat.




Menurut Paranthamanaar (1999), karya bahasa Tamil tertua yang ada kini ialah *தொல்காப்பியம்* (*Tholkaappiyam*) yang bermakna buku klasik, iaitu sebuah buku tatabahasa yang dianggarkan ditulis pada abad ke-4 SM. Sesuatu bahasa perlu berkembang mantap sekurang-kurangnya 1,000 tahun untuk menghasilkan sebuah buku tatabahasa yang komprehensif seperti *Tholkaappiyam*. Ini membuktikan bahawa usia bahasa Tamil ialah sekurang-kurangnya 3,400 tahun.

Mahadevan (2010) menjelaskan, terdapat pendapat yang berlainan tentang tarikh penghasilan karya sastera Tamil seperti *தொல்காப்பியம்* (*Tholkaappiyam*), *திருக்குறள்* (*thirukkuRal*), *சிலப்பதிகாரம்* (*silappathiharam*), dan sebagainya. Maka, dengan terjumpanya batu bersurat, duit syiling lama, logo, serpihan tembikar dengan tulisan merupakan bukti catatan kronologi yang amat kukuh. Banyak bukti epigrafik bahasa Tamil dengan tulisan *Brahmi* telah ditemukan, terutamanya di persekitaran bandar Madurai. Catatan batu bersurat yang terawal dianggarkan berusia antara 2200 tahun hingga 2300 tahun.

Mathivanan (1991), yang mengkaji sejarah perkembangan tulisan Tamil mengatakan bahawa, tulisan terawal bahasa Tamil berbentuk piktograf seperti tulisan bahasa Cina. Berdasarkan alat dan cara menulis tulisan Tamil dinamakan sebagai *கண்ணெழுத்து* (*kaNNezhuththu*) merujuk kepada tulisan yang diguris atau diukir pada batu, tulang, daun palma dan sebagainya; *கோலெழுத்து* (*koolezhuththu*) pula merujuk kepada tulisan yang ditulis atau dilukis pada kulit dan kain dengan dakwat atau warna. Tulisan bahasa Tamil berkembang daripada piktograf kepada bentuk sistem tulisan suku kata yang digelar sebagai *அசையெழுத்து* (*asaiyezhuththu*).

Pada peringkat sistem tulisan suku kata, bahasa Tamil mempunyai lebih daripada 400 simbol yang telah disusun semula dengan 12 vokal dan 18 konsonan yang dinamakan sebagai simbol primer dan 216 suku kata dan beberapa simbol lagi dinamakan sebagai simbol sekunder. Sistem tulisan ini dinamakan sebagai tulisan *Brahmi* yang membawa maksud ‘terawal’. Kemudiannya tulisan *Brahmi* yang berbentuk garisan telah dibulatkan untuk melancarkan penulisan dan digelar *வட்டெழுத்து* (*vattezhuththu*) yang bermakna huruf berlengkung. Sistem tulisan ini telah mengalami pelbagai perubahan mengikut zaman, sebelum menjadi skrip moden bahasa Tamil yang digunakan kini (Mathivanan, 2007). Jadual 1.1 memaparkan perkembangan dan perubahan yang telah berlaku dalam tulisan Tamil sebelum 3000SM sehingga bentuk tulisan Tamil kini.

Jadual 1.1: Perkembangan Bentuk Tulisan Tamil

Tulisan Piktograf Sebelum 3000SM	Tulisan Suku kata Selepas 3000SM	Tulisan Tamil Brahmi 300SM	Tulisan Tamil masa kini
			

Sumber: Mathivanan (1991)

Perubahan yang lebih menyeluruh dipaparkan dalam Rajah 1.1. Rajah ini menampakkan perubahan yang berlaku dalam tulisan vokal dan konsonan bahasa Tamil. Perubahan yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 ialah perubahan dan perkembangan yang berlaku sejak abad ke-3 sebelum masihi (SM) hingga abad ke-19 masihi. Jika diteliti Rajah 1.1, maka bentuk tulisan pada abad ke-3 SM sehingga abad ke-3 masihi didapati tiada perubahan yang ketara. Perubahan yang ketara telah berlaku dalam bentuk tulisan bahasa Tamil hanya selepas abad ke-3 masihi. Namun, perubahan dalam bentuk tulisan vokal tidak begitu ketara jika dibandingkan dengan perubahan pada bentuk tulisan konsonan. Tulisan vokal mengalami perubahan selepas abad ke-5 masihi. Bentuk tulisan yang digambarkan pada abad ke-18 dan ke-19 masihi adalah sama dengan bentuk tulisan yang digunakan pada hari ini.

தூர்தாய்வின் காலம் / Century	அ இ ஈ இ ர எ ஏ ஏ ஏ ஏ ஏ	தூர்தாய்வின் காலம் / Century	க ஷ சு ஞ ட ன த ந ப ம ம த ஸ மு ஸ ஹ ஸ
கி. பி. 3	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 3	+ சு தீ
கி. பி. 2	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 2	+ சு தீ
கி. பி. 3	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 3	த சு தீ
கி. பி. 4	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 4	த சு தீ
கி. பி. 5	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 5	த சு தீ
கி. பி. 6	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 6	த சு தீ
கி. பி. 7	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 7	த சு தீ
கி. பி. 8	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 8	த சு தீ
கி. பி. 9	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 9	த சு தீ
கி. பி. 10	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 10	த சு தீ
கி. பி. 11	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 11	த சு தீ
கி. பி. 12	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 12	த சு தீ
கி. பி. 13	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 13	த சு தீ
கி. பி. 14	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 14	த சு தீ
கி. பி. 15	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 15	த சு தீ
கி. பி. 16	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 16	த சு தீ
கி. பி. 17	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 17	த சு தீ
கி. பி. 18	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 18	த சு தீ
கி. பி. 19	க க ஃ ஃ ல எ □ □ □ □	கி. பி. 19	த சு தீ

Rajah 1.1: Perubahan Bentuk Tulisan Vokal dan Konsonan Bahasa Tamil

Sumber: Kulandaiswamy (2003)

Pada abad ke-18, beberapa perubahan telah dilakukan pada tulisan bahasa Tamil oleh mubaligh Itali bernama Constanzo Beschi, dikenali oleh orang Tamil sebagai வீரமாழுனிவர் (*viiramaamunivar*) yang bermakna pendeta agung yang gagah. Perubahan tersebut dilakukan demi memudahkan cetakan tulisan bahasa Tamil. Ini termasuk meletakkan penanda vokal pada kedua-dua belah kiri dan kanan konsonan. Secara keseluruhannya terdapat 247 simbol yang digunakan untuk mewakili tulisan Tamil kini (Kulandaiswamy, 2003).

Sekitar abad ke-6 masihi, selain 247 huruf piawai, skrip கிரந்த (Grantha) telah dibentuk khas dan digunakan oleh penulis Tamil demi mewakili bunyi khas bahasa Sanskrit, Prakrit, dan bahasa lain. Kini tulisan ini digunakan untuk menulis perkataan pinjaman daripada mana-mana bahasa termasuk bahasa Inggeris, bahasa Melayu, dan sebagainya yang mempunyai sebutan khas yang tidak terdapat dalam bahasa Tamil. Walaupun skrip *Grantha* digunakan mewakili bahasa pinjaman, tetapi dibentuk berdasarkan tulisan Tamil oleh penutur bahasa Tamil dan hanya digunakan di wilayah Tamil Nadu (Vasantha, 2007).

Kulandaiswamy (2003), menerangkan sekitar 1935, E.V.Ramaswamy Periyar mencadangkan dan mengamalkan beberapa perubahan lagi dalam bentuk tulisan Tamil agar lebih tahan uji dalam percetakan. Kulandaiswamy (2003) juga menjelaskan bahawa, kumpulan pendeta Tamil telah menggariskan beberapa perubahan dan penambahbaikan terhadap tulisan bahasa Tamil pada 2.2.1976. Sebilangan cadangan tersebut telah diterima pakai oleh kerajaan Tamil Nadu dan berkuat kuasa mulai 19.10.1978. Jadual 1.2 memaparkan penyelarasian yang telah dilakukan kepada 13 huruf bahasa Tamil pada ketika itu.

Jadual 1.2: Penyelarasan Skrip Bahasa Tamil 1978

Bentuk Lama	Bentuk Baharu
ஃ	ஃ
ஃ	ஃ
ஃ	ஃ
ஃ	ஃ
ஃ	ஃ
ஃ	ஃ
ஃ	ஃ
ஃ	ஃ
ஃ	ஃ
ஃ	ஃ
ஃ	ஃ
ஃ	ஃ

Bahasa Tamil mempunyai 247 bunyi yang berlainan yang terdiri daripada 12 vokal 18 konsonan, 216 suku kata (18 konsonan x 12 vokal) serta satu huruf khas yang digelar **ஆய்தம்** (*aaytham*) diwakili oleh 107 simbol. 12 vokal bahasa Tamil terdiri daripada lima (5) vokal pendek, lima (5) vokal panjang, serta dua (2) diftong. 18 konsonan bahasa Tamil pula dikategorikan berdasarkan tempat penghasilannya (artikulasi) dan dinamakan sebagai வல்லினம் (*vallinam*) mewakili konsonan keras, மெல்லினம் (*mellinam*) mewakili konsonan lembut, dan இடையினம் (*idaiyinam*) mewakili konsonan sederhana (Kulandaiswamy, 2003).

Jadual 1.3: Tulisan Bahasa Tamil dan Bunyinya

Vokal		Konsonan					
Pendek	Panjang	Keras		Lembut		Sederhana	
அ	a	ஃ	k/g/h	ங்	ng	ஃ	y
இ	i	ஃ	c/s/j	ஞ்	ny	ஃ	r
உ	u	ஃ	t/d	ண்	N	ஃ	l
எ	e	ஃ	th	ஃ	n	ஃ	v
ஓ	o	ஃ	b/p	ஃ	m	ஃ	zh
Diftong		ஃ	R	ஃ	n	ஃ	L
ஃ	ai	ஃ	au				

Sumber: Radha Sellappan (2011)

Jadual 1.3 memaparkan kategori tulisan vokal dan konsonan serta bunyinya. Selain tulisan dalam jadual 1.3, tulisan *Grantha* yang berbentuk ஜ் (j), ஹ் (h), ஸ் (s), ஷ் (sh), க்ஷ் (ksh), dan ஸ்ரி (sri) juga digunakan sebagai tulisan bahasa Tamil. Terdapat juga beberapa simbol lain yang ditambah kepada tulisan konsonan dan tulisan *Grantha* dalam membentuk suku kata bahasa Tamil. Antara simbol tersebut ialah ஓர், ஏ, ஃ, ஓா, ஓத், ஒ, கே, எா, கோ, கோர், dan கோார், yang digunakan sama ada sebagai awalan, akhiran atau apitan. Terdapat satu lagi tulisan khas yang dinamakan ஆய்தம் (aaytham) berbentuk ள். Penggunaan simbol tersebut membolehkan skrip bahasa Tamil mewakili kebanyakan buni yang terdapat dalam bahasa manusia. Bukan hanya dalam bahasa dari India malahan juga dalam bahasa dari serata dunia (Kulandaiswamy, 2003).

Perkembangan Bahasa Tamil dalam Internet

Sudali (2008) mengatakan bahawa, bahasa Tamil merupakan bahasa India yang pertama yang digunakan dalam internet serta mewujudkan universiti maya yang pertama di India. Selain menyebarkan berita tentang pilihan raya dan menyampaikan laporan badjet secara langsung, majalah elektronik Tamil atau pun e-majalah dan e-surat khabar Tamil juga menyiarkan isu semasa tentang India dan Tamil Nadu dengan pantas setanding dengan laman sesawang bahasa Inggeris.

Thiruvasagam (2010) yang mengkaji perkembangan bahasa Tamil dalam komputer dan internet menjelaskan bahawa, sejak komputer diperkenalkan sehingga 1980-an wujud keadaan bahasa Tamil, langsung tidak dapat digunakan dalam komputer. Beliau mengkategorikan peringkat perkembangan bahasa Tamil dalam internet kepada tiga peringkat perkembangan, iaitu pada peringkat pertama teks bahasa Tamil telah ditaip menggunakan tulisan rumi. Pada peringkat kedua pula, teks ditaip menggunakan tulisan rumi dan kemudiannya ditukar ke bentuk tulisan bahasa Tamil. Seterusnya pada peringkat ketiga, telah wujud keadaan, teks bahasa Tamil ditaip menggunakan tulisan Tamil itu sendiri. Kini, kita berpeluang untuk menggunakan bahasa Tamil dengan tulisan Tamil dalam komputer dan internet.

Pada 17 Februari 2001, kerajaan Tamil Nadu di India telah menubuhkan Universiti Maya Tamil (*Tamil Virtual University*) dengan tujuan memberikan peluang kepada penutur bahasa Tamil dari serata dunia supaya dapat mengekalkan identiti budaya, menghayati nilai tradisi serta mengetahui bahasa dan warisannya. Struktur dan fungsi universiti maya ini merangkumi program pendidikan berdasarkan internet, perpustakaan digital, dan pembangunan pengkomputeran Tamil. Program pendidikan yang ditawarkan ialah pendidikan peringkat awal (tadika) hingga peringkat penyelidikan lanjutan (sarjana). Berjuta-juta penutur bahasa Tamil dari merata dunia dapat mempelajari bahasa Tamil dan warisan budayanya dengan cara yang mudah dan berkesan dengan tertubuhnya universiti ini. Selain kerajaan Tamil Nadu, Universiti Pennsylvania bersama Universiti Chicago juga menawarkan pendidikan Tamil bagi penutur bahasa Tamil yang hidup di Barat sejak 1997. Laman yang dibentuk oleh Universiti Pennsylvania bersama Universiti Chicago ini lebih sesuai untuk penutur bahasa Tamil yang mempelajari bahasa Tamil sebagai bahasa kedua.

Elanchelian (2011), menyenaraikan beberapa perkataan Tamil yang ditemui dalam laman carian google (www.google.com) dan bilangan dapatan yang diperoleh. Jadual 1.4 menunjukkan peningkatan dalam bilangan dapatan dalam jangka masa dua tahun. Kajian membuktikan bahawa perkembangan yang pesat telah berlaku dalam penggunaan bahasa Tamil dalam internet dan laman sesawang.

Jadual 1.4: Bilangan Dapatan untuk Perkataan Tamil dalam Google

Perkataan Tamil Dicari	Makna dalam Bahasa Melayu	Dapatan pada 2001	Dapatan pada Ogos 2013
தமிழ் (<i>thamizh</i>)	bahasa Tamil	14, 000, 000	45, 200, 000
தகவல் (<i>thahaval</i>)	Maklumat	2, 900, 000	10, 400, 000
மின்னஞ்சல் (<i>minnanjal</i>)	mel elektronik	830, 000	5, 830, 000
வலைத்தளம் (<i>valaitthaLam</i>)	laman sesawang	150, 000	1, 740,000

Sumber: Elanchelian (2011).

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pengguna bahasa Tamil dalam komputer telah bertambah berlipat kali ganda. Selain laman sesawang, e-mel, dan blog, kini pelayar internet juga mempunyai kemudahan menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa komunikasi dalam *Facebook* (Maniyarasan, 2011).

Peristiwa Penting dalam Evolusi Bahasa Tamil di Internet.

Penggunaan bahasa Tamil dalam komputer peribadi dan intenet telah bermula sejak 25 tahun dahulu dan telah berkembang sejajar dengan perkembangan internet. Pelbagai peristiwa telah berlaku secara selari dalam evolusi bahasa Tamil dalam internet.

a) International Forum for Information Technology in Tamil

Font bahasa Tamil telah dibangunkan dan dikembangkan oleh beberapa orang pakar komputer dan peminat bahasa secara individu. Ini telah menyebabkan wujudnya pelbagai jenis font Tamil digunakan dalam perkongsian maklumat di internet. Menurut Kalyanasundaram (2011), keadaan ini telah menimbulkan kesedaran tentang keperluan dan kepentingan perhubungan sangat dan penyelarasannya dalam font demi kesuburan pembangunan kandungan bahasa Tamil dalam internet. Oleh yang demikian *International Forum for Information Technology in Tamil* (INFITT), yang dianggotai oleh pakar komputer dan pencipta font bahasa Tamil dari negara yang mempunyai banyak penutur bahasa Tamil telah ditubuhkan.

Ponnavaiko (2013), menghuraikan penubuhan INFITT secara ringkas dalam prakata buku persidangan antarabangsa internet Tamil tahun 2013. Menurutnya, idea menubuhkan sebuah kumpulan penyelidikan tentang bahasa Tamil dalam internet telah dicadangkan di Sri Lanka pada November 2000 dalam mesyuarat persediaan persidangan internet Tamil kedua. Lalu INFITT telah dilancarkan secara rasminya pada Julai 2000 dalam persidangan antarabangsa internet Tamil yang berlangsung di

Singapura. Sejak itu banyak penyelidikan tentang pembentukan kosa kata berkaitan teknologi maklumat, pembangunan *UNICODE* Tamil, mencipta laman sesawang Tamil, pembentukan font Tamil standard, membina pengecam aksara optik Tamil (OCR), Tamil dalam Linux, dan sebagainya telah dilaksanakan oleh INFITT. Sejak 1997 hingga kini, INFITT telah mengadakan sebanyak 12 persidangan antarabangsa internet Tamil di Singapura, India, Malaysia, Amerika, dan Jerman. Dalam jangka masa 15 tahun ini, banyak laman sesawang dalam bahasa Tamil serta pelbagai perisian bahasa Tamil telah direka atas usaha sama anggota INFITT.

b) Projek *Madurai*

Laman sesawang Projek *Madurai* (<http://www.projectmadurai.org/>) ialah satu inisiatif mengumpulkan dan menerbitkan bahan bahasa Tamil sebagai edisi digital atau e-teks. Projek ini telah diusahakan oleh Kalyanasundaram dari Lausanne, Switzerland pada 14 Januari 1998 dan terus aktif hingga kini kerana adanya sumbangan sukarelawan dari seluruh dunia. Aktiviti ini dilaksanakan tanpa bantuan mana-mana kerajaan atau sektor swasta tetapi diusahakan oleh individu secara sukarela tanpa tujuan perniagaan. Semua koleksi karya berbentuk e-teks dalam Projek *Madurai* boleh didapati dalam kedua-dua format *HTML* dan *PDF*. Semua penutur bahasa Tamil dari merata dunia yang dihubungkan melalui internet boleh membaca atau memuat turun salinan karya yang diterbitkan oleh Projek *Madurai* untuk kegunaan peribadi mereka secara percuma.

Tujuan utama Projek *Madurai* diusahakan adalah untuk memelihara koleksi berharga sastera Tamil yang klasik serta moden, dari seluruh dunia. Menerusi usaha ini, diharapkan perpustakaan elektronik sastera Tamil dapat dibina untuk kegunaan atau sebagai rujukan kepada generasi akan datang. Terdapat lebih daripada 400 karya Tamil dari zaman ‘சங்கம்’ /saggam/ (pusat perkembangan bahasa Tamil) hingga kini yang telah didigitalkan dan boleh diperoleh dengan pantas dan mudah. Varatarajan (1989), menganggarkan bahawa kesusasteraan zaman *sanggam* berusia hampir 2500 tahun.

c) Yayasan Warisan Tamil (*Tamil Heritage Foundation*)

Laman sesawang Yayasan Warisan Tamil (*THF*) (<http://www.tamilheritage.org/>) merupakan satu inisiatif global untuk memelihara dan memahami warisan bahasa Tamil dalam media digital. Pemeliharaan warisan ini dilakukan secara saintifik dan tepat supaya sejarah, sains, dan teknologi bahasa Tamil difahami dengan betul. Tujuan utama *THF* ditubuhkan adalah untuk memelihara bahan warisan seperti manuskrip pada daun palma dan buku klasik dalam bentuk elektronik yang mudah diperoleh seperti CD-ROM dan internet. *THF* mewujudkan demokrasi pengetahuan dengan membolehkan skrip purba yang hanya diketahui oleh kumpulan tertentu kini diketahui oleh semua lapisan masyarakat, terutamanya yang ingin mengetahui warisan bahasa dan budaya masyarakat Tamil.

THF telah diasaskan oleh Kannan (Korea Selatan) pada 2001 bersama dengan Subashini (Jerman) dan Kalyanasundaram - pengasas Projek *Madurai* (Switzerland). Penyelidik telah menemu bukal seorang pengasas *THF*, iaitu Kannan, yang kini bertugas sebagai Profesor di Fakulti Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia. Kannan & Subashini (2013), mengesahkan bahawa *THF* telah dilancarkan dalam Persidangan Antarabangsa Internet Tamil pada tahun 2001 di Kuala Lumpur. *THF* juga berusaha untuk mendigitalkan berjuta-juta manuskrip daun palma daripada perpustakaan

kerajaan dan swasta, muzium, serta koleksi peribadi yang belum diterbitkan. Ini termasuk manuskrip daripada pelbagai bidang, seperti perubatan tradisional, matematik, astronomi, kimia, kejuruteraan (pembinaan kapal, dan sebagainya,) seni bina, sastera, muzik, dan seni. Sehingga akhir 2010, THF dengan kerjasama Universiti Tamil Thanjavur, Tamil Nadu telah mencari dan mengumpulkan sebanyak 86, 257 manuskrip daripada daun palma melalui orang perseorangan. Kesemua manuskrip telah dibaik pulih dan didigitalkan oleh Universiti Tamil Thanjavur. Selain manuskrip daun palma, THF juga telah mengumpulkan pelbagai buku klasik dan mewujudkan Perpustakaan Digital India. Perpustakaan British juga telah bekerjasama dengan THF dalam mendigitalkan koleksi buku Tamil yang terdapat di perpustakaan tersebut.

d) *Sellinam*

Penghasilan செல்லினாம் (*Sellinam*) merupakan satu peristiwa terpenting evolusi bahasa Tamil dalam dunia teknologi maklumat. *Sellinam* ialah tulisan atau *font* yang dihasilkan khas untuk penggunaan telefon bimbit. Pengasasnya Muthu merupakan warganegara Malaysia yang berasal dari Klang, Selangor. Muthu juga merupakan penghasil *font* terawal bahasa Tamil yang digelar முரசு (*Murasu*). Selain bahasa Tamil, Muthu juga terkenal kerana telah menghasilkan *font* dan cara input untuk bahasa India dan juga bahasa Indo-China (www.sellinam.com). Selepas melancarkan penggunaan *Sellinam* secara percuma, Muthu telah mengatakan dalam rangkaian radio Minnal FM pada 18 Disember 2013 dalam siaran *Kalaikathir* bahawa, “Rakyat Malaysia dengan bangganya boleh menyatakan bahawa *Sellinam* adalah pemberian Malaysia kepada dunia Teknologi Tamil.”

Sellinam dianggap sebagai pemproses utama yang membantu penggunaan bahasa Tamil dalam dunia komputer Tamil serta dalam bidang teknologi internet. Ia juga merupakan pemproses pertama yang membolehkan penutur bahasa Tamil untuk menghantarkan pesanan ringkas dalam telefon bimbit menggunakan tulisan Tamil. *Sellinam* yang dicipta pada 2003 telah diperkenalkan untuk penggunaan dalam telefon bimbit pada 2005. Aplikasi *Sellinam* telah digunakan dalam i-phone dan i-pad pada 2009, diperkenalkan dalam peralatan HTC pada 2011, dan diperkenalkan secara percuma kepada pengguna *android* melalui *Googleplay* pada Disember 2012. Sehingga Mac 2013, *Sellinam* mempunyai lebih daripada satu juta pengguna (www.selliyal.com).

Penubuhan INFITT, pengasasan Projek *Madurai*, kewujudan THF dan penghasilan *Sellinam* kesemuanya telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai dalam perkembangan dan penggunaan bahasa Tamil dalam internet.

Sejarah Perkembangan *Facebook*

Nurul Husna (2011) menjelaskan bahawa, Mark Elliot Zuckerberg lahir pada 14 Mei 1984, sebagai jutawan termuda yang berjaya kerana usahanya dan bukan melalui harta warisan. Beliau ialah seorang pengatur cara komputer dan pengusaha muda yang berasal dari negeri Paman Sam, Amerika Syarikat. Kekayaan yang dimiliki oleh Mark Zuckerberg adalah kerana penghasilan dan perkembangan laman sosial *Facebook*. Laman sosial *Facebook* telah dihasilkan oleh Mark Zuckerberg dengan bantuan teman kampusnya, iaitu Andrew McCollum (Nurul Husna, 2011) dan teman sebiliknya Dustin Moskovitz serta Crish Hughes, dan Eduardo Saverin (Ezumah, 2013)

Laman sosial *Facebook* (www.Facebook.com) dihasilkan oleh Mark Zuckerberg, pada Februari 2004 semasa beliau menuntut ilmu di Universiti Harvard (Roblyer *et al.*, 2010; Nurul Husna, 2011; Junghun *et al.*, 2013) sebagai seorang pelajar psikologi (Pallis *et al.*, 2011). Pada ketika itu, beliau merupakan pelajar tahun dua ijazah pertama dan hanya berumur 19 tahun (Grossman, 2010). Menurut Pallis *et al.* (2011), nama *Facebook* dipetik daripada helaian yang diedarkan kepada mahasiswa tahun pertama untuk mendapatkan profil pelajar dan staf. Pada asalnya, keahlian *Facebook* hanya terhad kepada pelajar Harvard College sahaja (Nurul Husna, 2011). Dalam jangka masa 24 jam, sebanyak 1200 pelajar Harvard telah mendaftar, dan selepas satu (1) bulan, lebih daripada separuh populasi pelajar ijazah pertama telah memiliki profil ini (Pallis *et al.*, 2011). Hanya dalam dua (2) bulan keahliannya diperluas ke kolej atau kampus lain di wilayah Boston, seperti Kolej Boston, Universiti Boston, Institut Teknologi Massachusetts (MIT), Tufts, Rochester, Stanford, Northwestern dan semua kampus yang termasuk dalam *Ivy League* (persatuan yang terdiri daripada lapan (8) universiti Amerika Syarikat) (Nurul Husna, 2011), dengan membenarkan pemilik alamat e-mel universiti (yang berakhir dengan .edu.) untuk menyertainya (Ezumah, 2013). Banyak institut pengajian tinggi yang lain telah menjadi ahlinya dalam tempoh satu tahun selepas *Facebook* dilancarkan (Nurul Husna, 2011).

Pada Ogos 2005, *Facebook.com* telah dibeli dengan harga \$200,000. Pada 2006, jaringannya telah diperluas daripada institusi pendidikan (Pallis *et al.*, 2011) kepada orang awam (Junghun *et al.*, 2013). Mulai 11 September 2006, sesiapa sahaja yang mempunyai alamat e-mel berdaftar yang sah boleh menjadi pengguna berdaftar *Facebook* (Bosch, 2009; Nurul Husna, 2011; Pallis *et al.*, 2011; Siegle, 2011).

Pada awalnya, perkembangan perkhidmatan *Facebook* kelihatan perlahan berbanding dengan perkhidmatan laman sosial asas yang lain (Junghun *et al.*, 2013). Mengikut kenyataan Junghun *et al.* (2013), selepas *Facebook* melancarkan perkhidmatan landasan terbuka pada Mei 2007, perkhidmatan daripada pihak ketiga yang mengalir masuk dan penumpuan mereka telah memberikan kesan yang besar. *Facebook* merupakan laman sosial terbesar dan laman sesawang kedua tersesak dalam internet yang mempunyai 845 million pengguna aktif. 50% daripada mereka log masuk sekurang-kurangnya sekali dalam sehari (Hall, Pennington, & Luerders, 2013). Kini, *Facebook* merupakan salah satu alat komunikasi yang terpopular di Amerika Utara dan mempunyai 850 million pengguna dari seluruh dunia (Bevan & Barclay, 2012).

Rai (2011), yang mengkaji persepsi tentang pengiklanan dalam *Facebook*, dalam kalangan belia India yang berumur antara 18 hingga 34 tahun yang menetap di Amerika Syarikat dan juga di enam buah bandar utama di India, mengatakan bahawa *Facebook* merupakan salah satu laman sosial terbesar yang menjadi penghubung utama kepada remaja merata dunia. Menurutnya, laman sosial ini telah menjadi pentas pelbagai aktiviti dan perlakuan merentasi sempadan budaya dan persepsi. Selain itu, laman sosial kini menular melampaui skrin komputer ke telefon bimbit. Pengguna berasa diri mereka mengikuti perkembangan masa dan senang dihubungi dengan mengekalkan ruang peribadi.

Luahan Emosi

Berdasarkan huraihan dalam Ensiklopedia Britannica (1967), perkataan emosi berasal daripada kata kerja bahasa Latin iaitu *emovere* yang bermaksud “untuk bergerak”. Ini dijelaskan bahawa emosi menggerakkan pengguna untuk melakukan perkara yang

dilakukan dan berfungsi sebagai penggerak kehidupan. Emosi ialah perasaan yang dikembangkan dan bersifat positif dan negatif. Emosi negatif ialah emosi yang menghalang seseorang daripada melakukan atau mengalami sesuatu situasi seperti takut, marah, benci, kesepian, tidak bersemangat, malu, bersalah, dan bosan. Emosi positif adalah seperti gembira, suka, cinta dan lain-lain lagi yang mendorong seseorang untuk meneruskan sesuatu perlakuan.

Kamus Millenium (Abd. Aziz Rahman, 2004), mendefinisikan emosi sebagai perasaan jiwa seperti marah, sedih, suka, dan lain-lain ketika berada dalam sesuatu keadaan. Asmah Haji Omar (2009), pula mengatakan bahawa emosi merujuk kepada perasaan yang muncul dan ada kalanya meluap-luap disebabkan sesuatu yang berlaku. Beliau mengkategorikan emosi kepada emosi positif, emosi negatif, dan emosi neutral. Menurut beliau, riang, gembira, bahagia, sukacita, dan senang (hati) ialah emosi positif. Manakala emosi sedih, dukacita, dan kecewa ialah contoh emosi negetif. Emosi teruja yang disamakan dengan perkataan bahasa Inggeris *excited* dinyatakan sebagai emosi neutral kerana maknanya boleh menjadi positif dan negatif mengikut konteks penggunaannya.

Menurut Osman Affan (2013), emosi bertindak sebagai penggerak dan juga penghalang. Emosi mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan dan juga berfungsi sebagai pelindung. Misalnya, perasaan takut menjauahkan seseorang daripada bermain di tempat yang bahaya, malah dapat melindungi seseorang daripada tercedera. Pada masa yang sama, perasaan takut juga menghalang seseorang daripada mencapai kecemerlangan. Emosi ialah perasaan yang boleh dikawal dan diatasi kerana apabila sesuatu emosi dialami berulang kali ia akan kelihatan semakin kecil dan hilang.

Dalam bahasa Tamil, emosi diterangkan dengan istilah “மெய்ப்பாட்டியல்” (*meyppaattiyal*) yang bermakna perasaan jiwa. Dari sudut pandangan Muthukumarasami (2007), *meyppaattiyal* ialah perasaan yang dialami melalui rangsangan luaran yang diterima oleh organ deria dan diluahkan ataupun ditunjukkan melalui pergerakan badan, riak muka, ataupun bahasa agar dirasai oleh orang yang melihatnya. Ilampuuranar (2001) salah seorang pengulas *Tholkaappiyam* menerangkan bahawa, buku tatabahasa *Tholkaappiyam* mengklasifikasikan emosi kepada lapan jenis perasaan, iaitu humor (நகை - *nahai*), sedih (அழுகை - *azhuhai*), terhina (இவரல் - *iLivaral*), hairan (மருத்தை - *marutkai*), takut (அச்சம் - *accam*), bangga (பெருமிதம் - *perumitham*), marah (வெகுளி - *vehuLi*), dan gembira (உவகை - *uvahai*).

Ilampuuranar (2001), menjelaskan lagi bahawa, emosi dipengaruhi oleh empat faktor, iaitu objek, perasaan, penggerak, dan luahan. Objek ialah benda atau perkara luaran yang merangsangkan. Perasaan pula ialah apa yang dirasai oleh jiwa (dalaman) berdasarkan maklumat yang dihantar oleh organ deria. Penggerak ialah perlakuan spontan secara automatik yang menyebabkan seseorang untuk bertindak. Luahan ialah gerakan tubuh badan yang memaparkan apa yang dialami. Misalnya seseorang yang terserempak dengan harimau akan berasa takut, dan dengan segara akan cuba berlari sekuat hati atau cuba bersembunyi, badannya akan bergigil dan berpeluh kerana ketakutan. Dalam contoh tersebut, harimau ialah objek, takut ialah perasaan, perkara yang mendorong untuk berlari atau bersembunyi disebut sebagai penggerak, dan bergigil dan berpeluh ialah luahan. Hanya luahan dikatakan faktor luaran yang dapat

dilihat dan difahami oleh orang lain. Manakala objek, perasaan, dan penggerak ialah faktor dalaman yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Muthukumarasami (2007), mengolah pendapat Ilampuranan (2001) tersebut dan mengatakan bahawa, emosi ialah cara seseorang menggunakan bahasa verbal dan nonverbal untuk berkongsi perasaan jiwa yang diterima dari alam. Bahasa merupakan alat terbaik untuk mengukur perhubungan antara perasaan dalaman (jiwa) dengan luaran (alam) secara tepat serta membantu untuk berkongsi dengan orang lain.

Setelah meneliti beberapa definisi dan penjelasan tersebut, didapati bahawa menjelaskan makna emosi melalui penghuraian cirinya adalah lebih mudah daripada mendefinisikannya. Oleh sebab kajian ini memfokuskan komunikasi bahasa Tamil, maka penyelidik akan menjadikan huraian Ilampuranan (2001) dan Muthukumarasami (2007), sebagai asas dalam kajian ini. Emosi dalam kajian ini bermakna perhubungan antara objek, perasaan, penggerak, dan luahan. Perkataan dan penanda linguistik yang memaparkan emosi yang boleh dilihat atau difahami oleh orang lain sahaja dianggap sebagai emosi dalam kajian ini. Perubahan psikologi dan apa yang berlaku dalam diri seseorang tidak dipertimbangkan oleh penyelidik.

Pernyataan Masalah

Kebanyakan kajian lampau berkaitan Komunikasi Berantarkan Komputer (KBK) berdasarkan teks hanya meneliti bahasa yang menggunakan tulisan rumi. Kajian tentang bahasa aglutinatif seperti bahasa Tamil tidak ditemukan. Mali (2007), mengatakan bahawa penanda nonverbal dalam komunikasi bersemuka seperti intonasi, suara, mimik muka, dan pergerakan badan juga dapat dipaparkan dalam komunikasi talian. Membezakan tulisan (*font*) dengan menghitamkannya (*bold*), mewarnakannya atau menggunakan huruf besar (*capitalize*) akan memaparkan perasaan penulis. Pengguna talian sosial memahami bahawa seseorang akan menggunakan huruf besar untuk meluahkan perasaan marah seperti memekik dalam komunikasi bersemuka. Pendapat Mali (2007), ini didapati tidak relevan untuk komunikasi dalam bahasa Tamil yang tidak mempunyai sistem huruf besar dan huruf kecil. Selain itu, struktur bahasa Tamil yang berciri bahasa aglutinatif tidak memberikan ruang untuk disingkatkan. Kekangan ini menimbulkan persoalan apakah jenis penanda linguistik yang sering digunakan oleh penutur bahasa Tamil semasa berkomunikasi dalam *Facebook*, terutamanya dalam memindahkan maklumat emosi? Oleh yang demikian, keperluan mengetahui cara penutur bahasa Tamil berkomunikasi dalam *Facebook* memberikan lompatan kepada penyelidik untuk mengenal pasti penanda linguistik yang digunakan oleh penutur bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*.

Kewujudan internet telah menyebabkan kemunculan pelbagai alat komunikasi yang canggih lalu melebarkan jaringan perhubungan manusia tanpa sempadan masa dan tempat. Thielke (2011), mengatakan bahawa pengguna alat komunikasi perlu sentiasa peka terhadap corak perbualan dan mengamalkan prinsip asas komunikasi dalam perbualan mereka. Peserta komunikasi perlu menggunakan strategi khas, terutamanya semasa berkomunikasi melalui media sosial untuk mengelakkan pertelingkahan dan konflik demi menjalankan komunikasi berkesan. Media sosial yang memberikan kebebasan bersuara menyebabkan penggunaannya menulis apa sahaja yang terlintas dalam fikiran mereka tanpa menghiraukan nilai kesantunan bahasa. Indirawati Zahid (2012), mengatakan bahawa pengguna media tidak memberikan penekanan terhadap kesantunan dalam bahasa. Ungkapan kasar, seperti mulut longkang, mulut puaka, dan

sebagainya yang dianggap tabu untuk ditulis pada suatu masa dahulu, tetapi kini, boleh ditulis, dipaparkan dan dibaca oleh sesiapa sahaja yang mengakses laman berkenaan. Keadaan ini bukan sahaja berlaku dalam komunikasi bahasa Melayu tetapi juga dalam komunikasi bahasa Tamil. Keadaan ini menimbulkan persoalan bagaimana penutur bahasa Tamil meluahkan emosi menerusi ‘bahasa’ dalam komunikasi *Facebook*? Ini memerlukan penyelidik untuk mengisi lompong yang wujud dalam bidang komunikasi baharu iaitu, menganalisis cara penutur bahasa Tamil meluahkan emosi menerusi ‘bahasa’ dalam komunikasi *Facebook*.

Boonthanom (2004), mendapati bahawa dua penanda linguistik, iaitu verbal dan nonverbal memainkan peranan penting dalam memindahkan maklumat emosi dalam KBK. Penanda verbal dapat dikategorikan sebagai perkataan emosi dan penanda linguistik. Perkataan emosi yang dimaksudkannya ialah perkataan seperti gembira, marah, sedih, dan sebagainya. Manakala penanda linguistik pula merujuk kepada ujaran seperti “saya tidak sangka kamu akan buat begini” yang mewakili perasaan kecewa dan perkataan seperti “sangat, memang, sungguh dan sebagainya” yang menunjukkan tahap emosi. Kategori kedua, iaitu penanda nonverbal atau penanda paralinguistik yang disenaraikan ialah ejaan vokal seperti, penggantian leksikal, penggunaan emotikon, manipulasi tanda baca, dan perubahan bentuk. Penggunaan emotikon, pemanjangan vokal, dan sebagainya ialah sesuatu yang asing dan bercirikan dramatik dalam pertuturan bahasa Tamil. Ini menyebabkan penutur bahasa Tamil menghadapi kesukaran dalam meluahkan emosi secara berkesan. Ini menimbulkan persoalan apakah jenis emosi yang diluahkan dalam komunikasi bahasa Tamil dalam *Facebook*? Daripada tinjauan literatur juga didapati bahawa luahan emosi oleh penutur bahasa Tamil dalam media baharu ini belum diteliti. Demi mengisi lompong tersebut, penyelidik telah menjelaskan jenis emosi yang diluahkan oleh penutur bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*.

Teori Kekayaan Media (*Media Richness Theory*) yang diutarakan oleh Daft & Lengel (1986), mempunyai enam skala media yang bermula daripada komunikasi bersemuka, persidangan web (*video conferencing*), telefon, radio dua hala, dokumen beralamat (e-mel, surat), dan dokumen tidak beralamat (*bulk mail*, poster). Berdasarkan teori tersebut, komunikasi bersemuka merupakan komunikasi terkaya (yang paling berkesan) kerana dapat memberikan maklum balas segera dan mempunyai beberapa penanda seperti pergerakan badan dan nada suara. Media di bawah skala kekayaan tidak mempunyai kemudahan penanda nonverbal dan tidak begitu berkesan untuk menyelesaikan isu yang rumit dan menyangsikan (Moczynski, 2010). Jika diteliti, komunikasi dalam laman sosial *Facebook* yang berdasarkan teks terletak pada skala kedua terbawah yang mewakili dokumen beralamat seperti e-mel dan surat. Kekurangan penanda nonverbal seperti intonasi, pergerakan badan, dan mimik muka menyebabkan wujudnya perselisihan faham dalam kalangan peserta komunikasi bahasa Tamil dalam *Facebook* lalu menimbulkan konflik. Kajian lampau tentang penginterpretasian maklumat emosi juga tidak menumpukan pada komunikasi bahasa Tamil dalam laman sosial. Keadaan ini memerlukan kajian rinci tentang perkongsian maklumat emosi bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*. Masalah ini memberikan lompong kepada penyelidik untuk merumuskan maklumat emosi bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Apakah jenis penanda linguistik yang sering digunakan dalam komunikasi *Facebook* oleh penutur bahasa Tamil?
2. Bagaimana penutur bahasa Tamil meluahkan emosi menerusi ‘bahasa’ dalam komunikasi *Facebook*?
3. Apakah jenis emosi yang diluahkan oleh penutur bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*?
4. Bagaimanakah penutur bahasa Tamil menginterpretasikan maklumat emosi dalam komunikasi bahasa Tamil dalam *Facebook*?

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti penanda linguistik yang digunakan oleh penutur bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*.
2. Menganalisis cara penutur bahasa Tamil meluahkan emosi menerusi ‘bahasa’ dalam komunikasi *Facebook*.
3. Menjelaskan jenis emosi yang diluahkan oleh penutur bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*.
4. Merumuskan maklumat emosi bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*.

Kepentingan Kajian

Pengkaji lepas masih kurang mengkaji terhadap cara komunikasi bahasa Tamil dalam media sosial misalnya *Facebook*. Menyedari hakikat ini, ialah wajar jika satu kajian khusus dibuat untuk meneliti penanda linguistik bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*. Diharap penutur bahasa Tamil yang berkomunikasi dalam laman sosial akan memperoleh faedah daripada kajian ini. Kajian ini juga diharap akan membantu mengukuhkan perhubungan antara ahli keluarga atau kenalan yang tinggal jauh. Selain itu, kajian ini juga akan menjadi panduan kepada para penyelidik dan para pendidik, terutamanya daripada bidang linguistik dan komunikasi.

i) Penutur Bahasa Tamil

Kajian ini akan memberikan pendedahan kepada pengguna laman sosial tentang cara menyampaikan pesanan dengan lebih berkesan. Ini akan mempertingkatkan lagi bilangan pengguna bahasa Tamil dalam internet secara amnya dan dalam laman sosial *Facebook* khususnya. Secara tidak langsung, kajian ini juga akan menjadi panduan kepada penutur bahasa Tamil yang berkomunikasi dalam laman sosial untuk memilih bahasa yang sopan dan sesuai mengikut budaya serta membantu serba sedikit dalam mengetahui apa yang patut dan tidak patut dikomunikasikan dalam laman sosial. Diharapkan, kajian ini juga akan membantu penutur bahasa Tamil untuk menginterpretasikan atau memahami makna sosial yang disampaikan dengan betul dan melancarkan aktiviti KBK yang berdasarkan teks.

ii) Ahli Keluarga

Selain itu, kajian ini juga diharap membantu memberikan keselesaan kepada peserta komunikasi *Facebook* kerana dapat berkomunikasi dalam bahasa ibunda, terutamanya

ketika berbual dalam kalangan ahli keluarga. Ciri kesopanan bahasa Tamil yang dikenal pasti dalam komunikasi *Facebook* akan dapat membantu penggunaanya menjaga kesopanan bahasa dan menghormati orang tua semasa berkomunikasi. Misalnya, penggunaan kata ganti nama diri kedua yang hormat seperti நீங்கள் (*niinggaL*) untuk menggantikan *you* yang dianggap kurang sopan untuk merujuk orang yang lebih tua dalam budaya Tamil. Pengguna bahasa Tamil dapat mengetahui cara menjaga kesopanan dalam komunikasi *Facebook* dan mengekalkan hubungan kekeluargaan dengan baik.

iii) Institusi Pendidikan

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat menyedarkan pelajar linguistik tentang variasi bahasa Tamil yang digunakan dalam internet secara amnya dan dalam laman sosial *Facebook* secara khususnya. Secara tidak langsung melalui kajian ini juga diharapkan dapat menyedarkan para pendidik bahasa Tamil tentang kesannya terhadap ketulenan bahasa jika penggunaan variasi bahasa Tamil dalam KBK ini diteruskan. Selain itu, para pendidik juga dapat mengetahui cara menggunakan laman sosial sebagai aktiviti susulan. Mereka juga boleh berkongsi pelbagai maklumat sastera tanpa had dan menyemai nilai budaya dalam kalangan para pelajar.

iv) Ahli Masyarakat

Kajian ini juga menerangkan serba sedikit tentang cara pertubuhan, ahli politik, dan pihak media menyampaikan maklumat kepada khalayak yang disasar dengan berkesan. Seterusnya, kajian ini juga diharap dapat menyumbang dalam menyatukan kumpulan masyarakat dan menganjurkan pelbagai aktiviti budaya dan bahasa serta membincangkan amalan budaya serta mengekalkan identiti bangsa. Maka dengan ini, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan oleh sesiapa yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perkembangan dan pengekalan bahasa Tamil seperti para pelajar, pendidik, pemberita, pengarang, pelakon, dan sebagainya.

Batasan Kajian

Batasan kajian menjelaskan had sesuatu kajian dilakukan. Kajian ini dibataskan berdasarkan empat objektif kajian. Bagi objektif pertama, kajian ini dibataskan untuk mengenal pasti penanda linguistik bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook* yang berasaskan teks. Objektif ini akan menyenaraikan penanda linguistik yang dikenal pasti dalam komen yang ditarikh oleh enam belas orang pelajar Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (Jurusran Tamil) daripada sebuah universiti di ibu Negara Malaysia. Enam belas orang ini dipilih kerana mereka merupakan pelajar yang berkemahiran asas bahasa Tamil. Ini adalah kerana kelayakan asas untuk mengikuti kursus linguistik pada peringkat universiti adalah berkelulusan dalam mata pelajaran Bahasa Tamil pada peringkat pra-universiti, iaitu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Maka objektif pertama kajian ini terbatas untuk mengenal pasti penanda linguistik yang memaparkan emosi dalam teks bahasa Tamil yang digunakan oleh penutur natif bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*.

Objektif kedua kajian ini adalah menganalisis cara penutur bahasa Tamil meluahkan emosi menerusi ‘bahasa’ dalam komunikasi *Facebook*. Kajian ini dibuat berdasarkan wacana komunikasi dalam laman sosial *Facebook* yang menggunakan bahasa Tamil

sebagai bahasa pengantar. Ujaran bahasa Tamil yang ditulis menggunakan tulisan Tamil serta tulisan rumi diteliti dalam kajian ini.

- Contoh : 1. Nandri nanbare (*nanRi naNbaree*)
2. நன்றி நண்மடை (*nanRi naNbaree*)

Ujaran dalam contoh tersebut membawa makna terima kasih, kawan. Ujaran yang mengandungi percampuran kod seperti dalam contoh di bawah juga turut dianalisis.

Contoh : nalla *news* nandri... (berita yang baik terima kasih)

Oleh sebab kajian ini memfokuskan komunikasi dalam bahasa Tamil, maka yang ditulis sepenuhnya dalam bahasa lain tidak diteliti dan diabaikan.

Contoh : T4U8: *Tq 4 the info* (terima kasih atas maklumat)

Kajian ini meneliti komunikasi dalam *Facebook* berdasarkan teks bahasa Tamil. Oleh yang demikian, komen tentang teks bahasa Tamil dan gambar berserta teks bahasa Tamil sahaja dijadikan bahan kajian. Manakala, komen dalam bentuk audio dan video diabaikan dalam kajian ini. Maka, objektif kedua kajian ini terbatas untuk menganalisis cara ‘bahasa’ digunakan dalam meluahkan emosi.

Objektif ketiga kajian ini terbatas untuk menjelaskan jenis emosi yang diluahkan oleh penutur bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook*. Emosi yang dianalisis dalam kajian ini berpandukan luahan emosi berdasarkan teks. Seperti yang dinyatakan oleh Ilampuranan (2001) dan Muthukumarasami (2007), hanya luahan perasaan dapat dilihat oleh pemerhati atau penerima pesanan. Perubahan psikologi yang berlaku dalam diri seseorang tidak dapat diketahui oleh orang kedua. Maka, dalam kajian ini, penyelidik hanya meneliti luahan emosi yang dipaparkan melalui teks yang boleh difahami oleh pembaca. Perubahan dalaman, iaitu perubahan psikologi tidak dipertimbangkan dalam kajian ini. Emosi yang terpapar dalam bentuk teks sahaja dianalisis dan diuraikan. Perlakuan nonverbal seperti pergerakan badan, nada suara, ekspresi muka, dan sebagainya yang tidak terpapar dalam komunikasi *Facebook* berdasarkan teks tidak mempengaruhi dapatan kajian ini.

Merumuskan maklumat emosi bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook* merupakan objektif keempat kajian ini. Objektif ini terbatas untuk merumuskan maklumat emosi yang lebih kerap digunakan oleh penutur bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook* yang berdasarkan teks. Rumusan ini dibuat berdasarkan pemerhatian terhadap komen yang diposkan oleh sampel selama 5 bulan, iaitu dari September 2013 hingga Januari 2014. Komen yang diperhatikan telah dipilih menggunakan kaedah alternatif dan disenaraipendekkan serta dilabelkan (T1S1K1, T1S4K2...) sebelum dianalisis. Maklumat emosi yang dirumuskan terbatas kepada data yang diperoleh melalui pemerhatian sahaja dan faktor lain yang mungkin mempengaruhinya tidak dibincangkan dalam kajian ini.

Definisi Operasional

Untuk memudahkan pemahaman pembaca, penyelidik telah memberikan definisi beberapa istilah yang penting yang merujuk kepada penggunaannya dalam kajian ini.

Penanda Linguistik

Dalam kehidupan harian, perkataan emosi jarang digunakan dalam perbualan demi luahan emosi secara langsung. Sebaliknya, penanda linguistik digunakan sebagai penggantinya. Boonthanom (2004), mendefinisikan penanda linguistik sebagai frasa tanpa perkataan emosi yang berupaya memindahkan emosi antara pengirim dengan penerima maklumat. Dalam kajian ini, penanda linguistik merujuk kepada ciri pesanan yang digunakan dalam KBK berasaskan teks untuk menyampaikan makna emosi. Penanda linguistik ini melibatkan kedua-dua simbol verbal dan nonverbal. Antara penanda linguistik yang berciri verbal ialah perkataan emosi, kata seruan, dan peribahasa yang digunakan oleh penutur dengan berlapik emosi. Manakala penanda linguistik nonverbal yang digunakan oleh peserta KBK termasuk penggunaan tanda baca, emotikon, dan *meme* yang biasanya digunakan untuk menyampaikan maklumat emosi yang dicapai melalui intonasi suara, pergerakan badan, dan sebagainya dalam komunikasi bersemuka.

Komunikasi Facebook

Manusia berkomunikasi untuk menyampaikan maklumat, pendapat, idea dan perasaan melalui simbol yang difahami bersama oleh peserta komunikasi. Simbol tersebut boleh terdiri daripada tulisan, percakapan dan visual yang membantu pemahaman perkara yang dikomunikasikan (Mokhtar Muhammad, 2008). Komunikasi dianggap berjaya apabila sesuatu maklumat yang dikirim difahami sepenuhnya oleh penerima. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah mengubah cara manusia berkomunikasi dan mengurangkan peluang komunikasi bersemuka. Laman sosial *Facebook* telah menjadi cara terbaru yang mudah, murah, dan berkesan untuk manusia berkomunikasi. *Facebook* merupakan media komunikasi berasaskan internet yang membolehkan penggunanya mencipta, menyunting dan berkongsi pendapat, maklumat, dan idea berbentuk teks, audio, gambar, dan video dalam kadar yang segera dan murah dengan orang perseorangan maupun khalayak tanpa had masa dan tempat. Dalam kajian ini komunikasi *Facebook* merujuk kepada komunikasi oleh penutur bahasa Tamil berasaskan teks yang dilaksanakan dalam talian tanpa muka.

Organisasi Kajian

Kajian ini disusun atur dalam lima bab. Berikut ialah ringkasan tentang kandungan kelima-lima bab tersebut.

Bab 1 membincangkan serba sedikit tentang sejarah perkembangan laman sosial *Facebook* dan sejarah perkembangan bahasa Tamil dalam internet. Seterusnya penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan organisasi kajian juga telah dinyatakan dalam bab ini.

Dalam Bab 2, penyelidik telah mendalami bidang kajian, iaitu analisis wacana. Kajian lepas tentang laman sosial *Facebook*, penggunaan bahasa Tamil dalam internet, dan kajian berkaitan dihuraikan dalam bab ini. Pandangan pengkaji luar negara dan

pengkaji dalam negara yang membantu penyelidik mengetahui KBK dengan lebih mendalam turut dibincangkan dalam bab ini.

Bab 3 membincangkan reka bentuk kajian, kerangka teori, prosedur mengumpulkan data serta kerumitan atau halangan yang ditempuhi semasa kajian ini dilakukan. Bab ini juga turut memberikan penjelasan tentang latar belakang sampel, pengumpulan data, peralatan yang digunakan, cara mentranskripsikan data dan kaedah menganalisis data.

Dalam Bab 4, penanda linguistik bahasa Tamil dalam komunikasi *Facebook* yang dikenal pasti telah dihuraikan. Seterusnya, jenis emosi yang diluahkan oleh penutur bahasa Tamil dalam *Facebook* telah dianalisis. Cara penutur Tamil menggunakan kesantunan bahasa semasa berinteraksi dalam *Facebook* dan cara penerima mengintepretasikan maklumat yang diterima juga dibincangkan dan dirumuskan berpandukan kajian lepas yang telah dibincangkan dalam Bab 2.

Bab 5 membincangkan hasil kajian berdasarkan penganalisisan data dalam Bab 4. Penyelidik telah merumuskan penemuan kajian dengan membincangkan hasil kajian. Seterusnya penyelidik juga telah membuat kesimpulan tentang kajian ini serta memberikan pendapat dan cadangan untuk kajian pada masa depan.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Rahman. (Ed.) (2004) *Kamus Millenium*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Abe Kazemzadeh, Sungbok Lee, & Shrikanth. (2013). Fuzzy Logic Models for the Meaning of Emotion Words. *IEEE Computational Intelligence Magazine*: 34-49.
- Afifah Harisah & Zulfitria Masiming (2008). Persepsi Manusia Terhadap Tanda, Simbol dan Spasial. *SMARTek* 6(1): 29-43.
